

13/12/1999

KDN sentiasa pantau kandungan lidah rasmi Pas

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap lidah rasmi Pas, Harakah, jika ia terus menabur fitnah dan tohmahan termasuk terhadap pemimpin Barisan Nasional (BN).

Timbalan Menteri Dalam Negeri yang baru dilantik, Datuk Chor Chee Heung, berkata pihaknya akan terus memantau isi kandungan Harakah bagi memastikan ia tidak menyalahi undang-undang.

"Jika mereka masih menggunakan lidah rasmi itu untuk menabur fitnah, saya akan membawa perkara ini kepada perhatian Menteri Dalam Negeri untuk tindakan lanjut," katanya mengulas keghairahan Harakah menabur fitnah dan tohmahan bertujuan memburukkan kerajaan BN.

Chor, Ahli Parlimen Alor Star yang sebelum ini bertugas sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, berkata berdasarkan pengamatan beliau, kebanyakan isu yang disiarkan Harakah adalah fitnah dan tohmahan tidak berasas.

Malah, katanya, berbanding akhbar dan majalah terbitan parti politik lain yang hanya diedarkan kepada ahli, Harakah bebas dijual kepada bukan ahli walaupun ia jelas menyalahi undang-undang.

Antara penipuan terbaru akhbar itu ialah apabila ia menuduh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) mengubah suai gambar sambutan rakyat Perlis kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kangar, Perlis, 27 November lalu.

Harakah dalam keluarannya 6 Disember menyiarkan semula gambar yang disiarkan di muka depan Berita Minggu 28 November lalu dengan membulatkan dua wajah yang didakwa kedua-duanya adalah Dr Mahathir.

Bernama menafikan tuduhan itu dan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Negeri Perlis juga mengesahkan individu yang didakwa Harakah sebagai Dr Mahathir adalah seorang anggotanya yang mengawal keselamatan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selain itu, akhbar berkenaan turut menyiarkan kenyataan seorang pakar sakit puan di Pusat Perubatan Pantai, Dr Idris Ahmad, yang kononnya menyelar kemenangan calon BN, Datuk Shahrizat Abdul Jalil di Lembah Pantai, pada pilihan raya lalu. Dr Idris bagaimanapun ketika dihubungi Berita Harian menafikan pernah membuat kenyataan seumpama itu.

Pusat Perubatan Pantai dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, pula berkata pihaknya tidak bertanggungjawab terhadap pendirian atau sebarang kenyataan politik yang dibuat kakitangan, termasuk pakar perubatannya.

Jurucakap pusat itu berkata, kenyataan politik yang dibuat kakitangan perubatannya adalah pendapat peribadi dan bukan mewakili pusat berkenaan.

"Kami tidak boleh mengulas mengenai pendirian atau fahaman politik kakitangan perubatan di sini kerana mereka adalah kontraktor bebas yang berkhidmat di sini.

"Apa yang diperkatakan adalah pendapat peribadi mereka dan bukan sebagai mewakili pusat ini," katanya.

Sementara itu Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pihak berkuasa perlu meneliti kandungan Harakah dari semasa ke semasa bagi memastikan ia mematuhi undang-undang.

"Sebarang bentuk tindakan termasuk mengharamkan akhbar itu harus difikirkan jika ia ternyata menyalahi undang-undang," katanya sambil menyifatkan akhbar itu menggunakan hasutan sebagai senjata bagi memenangi hati rakyat.

(END)